KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB DATUK AARON AGO DAGANG

MENTERI PERPADUAN NEGARA

SEMPENA

PERASMIAN PROGRAM NOSTALGIA ANAK KAMPUNG: KERJA KAMPUNG

6 NOVEMBER 2026 (JUMAAT)

DATARAN MUZIUM NEGARA

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih kepada pengacara majlis.

SALUTASI
(salutasi akan dikongsikan secara berasingan)

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada **Tuan Mohamad Shawali Haji Badi atas pelantikan sebagai Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia yang baharu berkuat kuasa pada 5 November 2026**. Semoga pelantikan ini menjadi pemangkin kepada kepimpinan yang lebih progresif dalam memperkukuh peranan Jabatan Muzium Malaysia sebagai institusi pemeliharaan warisan, sejarah dan khazanah negara.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Jabatan Muzium Malaysia atas jemputan untuk saya merasmikan **Program Nostalgia Anak Kampung bertemakan "Kerja Kampung"** pada petang ini. Penganjuran program seumpama ini amat bermakna kerana ia membawa kita kembali menghayati kehidupan masyarakat terdahulu, khususnya tradisi, kemahiran, budaya dan warisan yang membentuk identiti masyarakat Malaysia hari ini.

3. Untuk makluman, Program Nostalgia Anak Kampung merupakan antara pengisian di bawah inisiatif Citra Nusa@Muzium yang diperkenalkan oleh Kementerian Perpaduan Negara pada tahun 2024. **Inisiatif ini membawa pendekatan baharu dalam memperkasakan institusi muzium melalui program yang lebih interaktif, inklusif dan dekat dengan kehidupan masyaraka**t.

4. Program pada petang ini **mengangkat pelbagai aspek kehidupan tradisional masyarakat Malaysia** melalui pendekatan yang menarik dan menyeluruh. Antara pengisian yang disediakan termasuklah:

    I. **Pameran Kerja Kampung,**
    II. **Pameran Jelapang Bangsa,**
    III. **Gastronomi,**
    IV. **Pameran Mahakarya Tembikar Perak,**
    V. **Pameran Rumah Tradisional Melaka, Sarawak dan Sabah, Kota Pesta oleh Makar Fest,**
    VI. **Persembahan wayang kulit,**
    VII. **Demonstrasi pembuatan wau dan ukiran kayu,**
    VIII. **Laman Bendang,**
    IX. **Dikir Barat Youth Camp,**
    X. **Bengkel Seni Pantun dalam Dikir Barat,**
    XI. **Zoo Kampung,**

XII. **Pertandingan permainan tradisional seperti bidah, timbang chapteh dan tuju tin,**

XIII. **Pertandingan membina rumah tradisional serta**

XIV. **Bengkel Dondang Sayang**.

5. Kepelbagaian pengisian ini memperlihatkan komitmen Jabatan Muzium Malaysia dalam menjadikan warisan budaya suatu pengalaman yang boleh dinikmati dan dihayati oleh seluruh lapisan masyarakat.

6. Kepentingan usaha ini turut selari dengan hala tuju komuniti muzium antarabangsa. ***International Council of Museums*** **(ICOM) melalui definisi muzium yang diluluskan pada 24 Ogos 2022 menegaskan bahawa muzium merupakan institusi tetap yang berkhidmat kepada masyarakat, menyelidik, mengumpul, memelihara, mentafsir dan mempamerkan warisan ketara serta tidak ketara**.

7. ICOM turut menekankan prinsip keterangkuman, kepelbagaian dan penyertaan komuniti dalam fungsi sesebuah muzium. Sementara itu, **UNESCO menganggarkan terdapat kira-kira 104,000 buah muzium di seluruh dunia berdasarkan kajian yang diterbitkan pada tahun 2021**, manakala di **Malaysia kini terdapat sebanyak 233 muzium**. Angka ini memperlihatkan

kepentingan institusi muzium dalam ekosistem pendidikan, pemeliharaan warisan dan pembangunan masyarakat.

USAHA MERAKYATKAN MUZIUM

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

8. **Januari hingga Oktober 2026 ini, Jabatan Muzium Malaysia telah menganjurkan sebanyak 100 program** yang merangkumi pelbagai pengisian di bawah Citra Nusa, Fiesta Uniti, pameran sementara, forum dan seminar serta program muzium bersama komuniti.

9. Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada **Jabatan Muzium Malaysia pada tahun ini telah berjaya meluaskan jaringan kerjasama melibatkan 55 rakan strategik dari kedua-dua sektor awam dan swasta**, yang menyumbang penajaan dalam pelbagai bentuk selain kepakaran, perkhidmatan, promosi, kemudahan dan khidmat nasihat.

10. Pencapaian ini memperlihatkan **komitmen berterusan JMM dalam memperluas capaian institusi muzium kepada masyarakat melalui pendekatan yang lebih terbuka, dinamik dan berorientasikan pengalaman pengunjung**. Saya berharap momentum ini dapat diteruskan dengan

pengisian yang lebih kreatif, berimpak tinggi dan mampu menarik penyertaan masyarakat daripada pelbagai lapisan umur dan latar belakang.

11. Melangkah ke tahun 2027, **pendekatan "Merakyatkan Muzium" harus terus diperkukuh dengan tumpuan kepada tiga aspek utama**. Pertama, memperluas program muzium bersama komuniti melalui pendekatan ***community-based engagement*** yang memberikan ruang kepada masyarakat setempat untuk terlibat secara langsung dalam mengenal pasti, mendokumentasi dan mengetengahkan sejarah serta warisan komuniti masing-masing. **Masyarakat perlu diberikan peranan sebagai rakan pemelihara warisan kerana mereka merupakan pemilik pengetahuan, pengalaman dan tradisi yang menjadi sebahagian daripada khazanah negara.**

12. Kedua, **mempercepatkan pendigitalan khazanah nasional supaya koleksi sejarah dan bahan warisan negara dapat diakses dengan lebih meluas tanpa batasan lokasi dan masa**. Pendigitalan penting untuk memastikan bahan warisan lebih terjamin, direkodkan secara sistematik dan dapat diwariskan kepada generasi akan datang. Penggunaan teknologi seperti ***virtual galleries, augmented reality (AR) dan artificial intelligence (AI)*** boleh diperluas bagi

menghasilkan pengalaman penerokaan warisan yang lebih menarik dan mudah diakses.

13. Ketiga, **usaha menarik minat generasi muda** harus diberikan perhatian melalui program **Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM), Bermalam di Muzium dan Program Kurator Muda**. Generasi muda perlu diberikan peluang untuk menjadi sebahagian daripada pengalaman permuziuman melalui aktiviti interaktif, pertandingan inovasi, penyelidikan, penciptaan kandungan digital dan penceritaan sejarah.

14. **Kajian Universiti Utara Malaysia yang melibatkan 1,036 responden turut mendapati bahawa golongan muda sebenarnya mempunyai persepsi positif terhadap muzium** dan berpotensi menjadi segmen pengunjung yang lebih besar. **Antara faktor yang menghalang kunjungan mereka termasuk kekangan masa, kurang maklumat mengenai aktiviti muzium dan persepsi bahawa tawaran muzium kurang menarik**. Ini memberikan satu mesej penting kepada kita, cabaran sebenar bukan semata-mata untuk meyakinkan anak muda tentang kepentingan sejarah, tetapi bagaimana kita menjadikan pengalaman mengenali sejarah itu menarik, mudah diakses dan relevan dengan kehidupan mereka.

15. Saya ingin menegaskan bahawa **muzium mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan agenda pembinaan negara bangsa**. Muzium merupakan institusi yang menyimpan memori kolektif sesebuah negara. Di sinilah sejarah pembentukan Malaysia, perjalanan kemerdekaan, perjuangan tokoh terdahulu, perkembangan masyarakat serta kepelbagaian budaya dan tamadun negara didokumentasikan untuk tatapan generasi hari ini dan akan datang.

16. **Sesebuah negara bangsa yang kukuh memerlukan rakyat yang memahami sejarah negaranya, menghargai pengorbanan generasi terdahulu dan mempunyai rasa kepunyaan atau sense of belonging terhadap tanah air**.

17. Dalam konteks Malaysia, setiap komuniti mempunyai kisah, sumbangan dan warisan tersendiri dalam perjalanan pembentukan negara. Semua ini perlu diberikan ruang dalam naratif sejarah nasional supaya rakyat dapat memahami bahawa Malaysia terbina melalui sumbangan bersama. Inilah yang saya maksudkan sebagai ***shared national identity*** **atau identiti nasional bersama.**

18. Saya juga **mohon Jabatan Muzium Malaysia memberikan perhatian khusus kepada Muzium Adat di Negeri Sembilan yang mempunyai potensi besar untuk**

diperkasakan sebagai pusat rujukan, penyelidikan dan pendidikan warisan adat serta budaya masyarakat Malaysia. Pada masa yang sama, peranan muzium ini boleh diperluas dengan mengangkat kepelbagaian adat dan tradisi masyarakat lain di Malaysia sebagai ruang perbandingan serta perkongsian budaya. Saya berpandangan bahawa muzium seperti ini berpotensi menjadi ***living heritage institution***. Dengan cara ini, muzium dapat menjadi jambatan yang menghubungkan warisan tempatan dengan agenda pembinaan negara bangsa.

PENUTUP

Hadirin yang saya mulikan sekalian,

19. Akhir kata, saya ingin **menggalakkan Jabatan Muzium Malaysia untuk terus meneroka pendekatan yang lebih inovatif dan interaktif dalam menghidupkan institusi muzium**.

20. Kita perlu berani beralih daripada konsep pameran konvensional kepada pengalaman yang lebih imersif, bersifat partisipatif dan berorientasikan pengunjung. Muzium perlu menjadi destinasi pilihan rakyat Malaysia, bukan sekadar lokasi lawatan sekali-sekala. **Kita perlu membina pengalaman yang mendorong pengunjung untuk datang**

semula, membawa keluarga dan berkongsi pengalaman mereka dengan orang lain. Saya berharap agar program seperti ini akan menjadi satu rangsangan kepada masyarakat untuk terus menghayati erti sejarah dan budaya Malaysia.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Program Nostalgia Anak Kampung: Kerja Kampung Tahun 2026.

Sekian, terima kasih.